



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA  
SELASA , 6 MARCH 2018**

1. BERI TUMPUAN TERHADAP TITAH SERI PADUKA – UM ONLINE
2. KOREA SELATAN PASARAN BAHARU MUSANG KING, DALAM NEGERI – UM, 29
3. TOMAT PERMUDAH KOPEK DURIAN, SETEMPAT – HM, 11
4. KOREA SELATAN PASARAN BAHARU MUSANG KING – UM ONLINE
5. MUSANG KING KINI KE PASARAN KOREA SELATAN – ASTRO AWANI
6. CEBURI AGRO PELANCONGAN – UM ONLINE
7. VIRAL POST ON CULLING RINGS ALARM BELLS, NATION – THE STAR, 4
8. MANA ADA 7,000 LEMBU DISINGKIR – HM ONLINE
9. RAKAMAN TULAR LEBIH 7,000 EKOR LEMBU DIJANGKITI TB TIDAK BENAR – UM ONLINE

*UKKMOA*

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2018	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Beri tumpuan terhadap titah Seri Paduka

C. Sheila Rani  
05 Mac 2018 6:09 PM



Ahmad Shabery Cheek

KUALA LUMPUR 5 Mac – Titah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V yang antaranya menyentuh komitmen kerajaan untuk terus memodenkan sektor pertanian negara termasuk meneroka sumber kekayaan baharu, disifatkan sebagai perkara penting yang harus diberi tumpuan sewajarnya.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, sektor pertanian perlu dilihat dalam konteks lebih luas yang mana produk tempatan bukan sahaja dihasilkan bagi kegunaan dalam negara malah untuk turut dieksport.

"Usaha seperti ini kebanyakannya telah dilakukan di negara-negara lain. Pertanian bukan sahaja untuk tujuan makanan kita tetapi boleh dieksport.

"Seri Paduka bertitah agar kita meneroka sumber kekayaan baharu seperti durian, herba, produk tenusu dan sarang burung walit. Jadi ini merupakan antara produk tempatan yang dikembangkan," katanya ketika ditemui di bangunan Parlimen, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjunjung kasih titah ucapan Seri Paduka semasa merasmikan pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Parlimen Ke-13 di Dewan Rakyat hari ini.

Sementara itu, Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin berkata, titah Yang di-Pertuan Agong itu memberikan fokus kepada cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara pada masa ini.

Selain itu, beliau berkata, titah tersebut juga pada masa yang sama memperakui prestasi kerajaan yang dapat menangani pelbagai cabaran ekonomi peringkat global dan negara ini.

Dalam pada itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki pula berkata, titah Seri Paduka perlu dihayati oleh semua pihak bagi memastikan segala kejayaan yang dicapai oleh negara dapat dipertahankan.

"Malaysia mempunyai keistimewaan dan kekuatan tersendiri yang tidak ada di negara lain.

"Jadi apabila titah Yang di-Pertuan Agong memperakui segala usaha dan inisiatif kerajaan, ini dilihat sebagai satu pengiktirafan daripada Seri Paduka sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, titah Seri Paduka yang memberi penekanan kepada akta berita palsu ini menggambarkan kebimbangan Yang di-Pertuan Agong terhadap berita palsu yang boleh memberi ancaman kepada negara.

"Seri Paduka menzahirkan kebimbangan mengenai berita palsu yang boleh mengakibatkan ketidakselesaan rakyat dan di sini dapat dilihat Yang di-Pertuan Agong amat menitik beratkan keharmonian dan kestabilan negara," katanya. - UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2018	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

## Korea Selatan pasaran baharu Musang King

Oleh **AIDA FAIZLEN IBRAHIM**  
 pengarang@utusan.com.my

■ **TELOK KEMANG 5 MAC**

**L**EMBAGA Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengenal pasti Korea Selatan sebagai pasaran baharu bagi durian Musang King.

Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Ishak berkata, pihaknya telah menghantar buah tersebut ke negara berkenaan bagi memberi peluang kepada penduduknya mencuba keenakan buah itu.

"Selepas ini usaha akan diteruskan dengan urusan perniagaan durian Malaysia ke Korea Selatan. Itu merupakan kaedah yang kita lakukan apabila ingin

menembusi pasaran baharu.

"Pada masa ini, durian Malaysia berjaya menembusi pasaran di enam negara iaitu China, Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, Australia dan Indonesia. Kita juga merancang memasuki pasaran Kanada dan Eropah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kursus *Upskilling* Pemasaran dan Penanaman Durian Musang King Siri Dua di Institut Latihan FAMA di Port Dickson di sini hari ini.

Menurut Ahmad, jumlah keseluruhan nilai eksport durian pada



**AHMAD ISHAK**

2015 berjumlah RM65 juta melibatkan 25 tan metrik dan meningkat kepada RM74 juta pada 2016.

Tambahnya, nilai pasaran eksport durian tempatan diunjurkan mencapai RM92 juta pada 2020.

"Durian dieksport sama ada dalam bentuk segar, sejuk beku

dan pes (isi tanpa biji). Durian Musang King mempunyai potensi eksport yang besar terutamanya selepas Jabatan Pertanian mendapat laluan pasaran untuk mengeksportnya dalam bentuk ulas sejuk beku ke China pada 2011," katanya.

**Shah Alam:** Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, spesies buah durian melalui pelbagai perubahan.

Sebut saja Musang King atau Raja Kunyit serta pelbagai jenis durian klon, pasti ramai yang menelan air liur jika membayangkan isinya yang berwarna kekuningan itu.

Namun, tanpa mengira jenis durian, setiap penggemar raja buah itu wajib tahu cara mengopek buah berkenaan.

Kini, dengan inovasi yang dihasilkan pesara kerajaan, Mohd Amir Tukiman, 66, sesiapa pun boleh mengopek buah berkenaan.

Bukan satu, tetapi ti-

## TOMAT permudah kopek durian

ga mesin yang direka dan diberi nama TOMAT iaitu Teknologi Oleh Mohd Amir Tukiman, sejak dua tahun lalu semata-mata untuk mengopek raja buah itu.

Bapa kepada enam orang anak ini berkata, mesin mengopek durian itu direka khusus bagi mengopek buah berkenaan dengan mudah, bersih, cepat dan selamat.

Katanya, menggunakan material seperti besi tahan karat pada mesin berkenaan, kerja mengopek durian kini menjadi sangat mudah dan efisien kerana mengambil

masa kurang dari tiga saat saja.

“Semudah ABC, alat ini tidak mempunyai banyak mekanisme yang perlu digerakkan semasa mengopek durian, malah ia tidak menggunakan sebarang peralatan elektronik atau sensor.

“Ia juga boleh dilakukan sesiapa saja kerana ia direka untuk dikendalikan oleh pelbagai lapisan umur masyarakat, tanpa memerlukan latihan atau tunjuk ajar yang lama,” katanya ketika ditemui wartawan di kediamannya di Shah Alam.

Bukan saja melihatnya nampak mudah, wartawan yang turut mencuba alat berkenaan berasa ia jauh lebih senang berbanding penggunaan parang dan tenaga untuk mengopeknya.

Beliau yang pernah menjawat jawatan penganjak jabatan pihak berkuasa tempatan itu berkata, inspirasi rekaannya itu terhasil beberapa tahun lalu selepas melihat seorang pelancong asing di gerai durian terpaksa menunggu lama ketika menjual mengopek durian.

Menurutnya, pencinta raja buah itu semakin berkembang sekali gus menyebabkan negara pengeluar durian termasuk Malaysia dilihat bersungguh-sungguh memperbaiki budaya perusahaannya buah terabit.



ANTARA mesin kopek durian dicipta Mohd Amir.

“Memandangkan potensi durian semakin berkembang sehingga ke peringkat antarabangsa, saya mencipta kaedah terbaru bagi memudahkan kerja mengopek durian.

“Penjual durian mahupun pengusaha durian sejuk beku, pes durian dan tempoyak serta mereka yang terabit secara langsung boleh mencuba kemampuan mesin ini kerana ia akan membantu perniagaan mereka,” katanya.

Beliau yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda Sains, Universiti Sunderland, United Kingdom dalam bidang kejuruteraan mekanikal berkata, harga setiap mesin rekaannya itu juga mampu milik.

Ia sekitar RM1,800, bergantung kepada tambahan aksesori yang diinginkan pelanggan.

“Bagi pencinta seni ukiran kayu, ia boleh digabungkan pada mesin ini yang berasaskan besi tahan karat. Asasnya sama, tetapi ada pelanggan

yang mahukan tambahan, jadi saya lakukannya.

“Ia juga mudah alih, boleh dibawa ke mana saja dengan mudah. Sehingga kini, saya sudah menjual lebih daripada enam mesin ini,” katanya.

Nama Mohd Amir sememangnya bukan asing dalam bidang inovasi malah beliau yang pernah menghasilkan mesin mengupas kelapa, wajar digelar MacGyver Malaysia.

Lebih menarik, inovasinya itu berjaya meraih pingat emas pada pertandingan reka cipta sains dan teknologi berbilang di Geneva, Switzerland sekitar 2000.

Rekaannya itu kini digunakan di lebih 10 negara luar termasuk China, Sri Langka, Taiwan, Panama, Jamaica, Mexico, Brazil dan Indonesia.

Antara ciptaan lainnya termasuk pentas bergerak, pengunci tayar kereta, alat penarik kenderaan, tandas bergerak dan alat pemecah VCD cetak rompak.



**MOHD Amir** (kiri) bersama anaknya menggunakan mesin mengopek durian ketika ditemui di kediamannya Alam Impian, Shah Alam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2018	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Korea Selatan pasaran baharu Musang King

Aida Faizlen Ibrahim  
 pengarang@utusan.com.my  
 06 Mac 2018 3:00 AM

TELOK KEMANG 5 Mac - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mengenal pasti Korea Selatan sebagai pasaran baharu bagi durian Musang King.



Ketua Pengarahnya, Datuk Ahmad Ishak berkata, pihaknya telah menghantar buah tersebut ke negara berkenaan bagi memberi peluang kepada penduduknya mencuba keenakan buah itu.

“Selepas ini usaha akan diteruskan dengan urusan perniagaan durian Malaysia ke Korea Selatan. Itu merupakan kaedah yang kita lakukan apabila ingin menembusi pasaran baharu.

“Pada masa ini, durian Malaysia berjaya menembusi pasaran di enam negara iaitu China, Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, Australia dan Indonesia. Kita juga merancang memasuki pasaran Kanada dan Eropah,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan Kursus Upskilling Pemasaran dan Penanaman Durian Musang King Siri Dua di Institut Latihan FAMA di Port Dickson di sini hari ini.

Menurut Ahmad, jumlah keseluruhan nilai eksport durian pada 2015 berjumlah RM65 juta melibatkan 25 tan metrik dan meningkat kepada RM74 juta pada 2016.

Tambahnya, nilai pasaran eksport durian tempatan diunjurkan mencapai RM92 juta pada 2020.

AHMAD ISHAK

Jabatan Pertanian mendapat laluan pasaran untuk mengeksportnya dalam bentuk ulas sejuk beku ke China pada 2011,” katanya.

“Durian dieksport sama ada dalam bentuk segar, sejuk beku dan pes (isi tanpa biji). Durian Musang King mempunyai potensi eksport yang besar terutamanya selepas

Dalam pada itu menurutnya, permintaan tinggi mendorong FAMA menganjurkan kursus yang dirasmikan hari ini untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam memulakan penanaman durian Musang King dan memanfaatkan kaedah baharu bagi mengeluarkan hasil lebih cepat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2018	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Musang King kini ke pasaran Korea Selatan

Mac 05, 2018 17:35 MYT



Jumlah keseluruhan nilai eksport durian pada 2015 ialah RM65 juta melibatkan 25 metrik (MT) dan ia meningkat sebanyak RM74 juta pada 2016. - Gambar fail

**PORT DICKSON:** Korea Selatan dikenal pasti sebagai pasaran baharu durian Musang King, kata Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Datuk Ahmad Ishak.

Beliau berkata penghantaran percubaan telahpun dihantar ke negara tersebut bagi memberi peluang rakyat negara itu merasai durian Malaysia. Korea Selatan adalah satu lagi negara yang boleh promosikan produk durian ke pasaran negara berkenaan.

"Selepas ini akan disusuli dengan urusan perniagaan durian Malaysia ke negara berkenaan. Itulah kaedahnya apabila kita ingin menembusi pasaran baharu.

"Hingga kini, durian Malaysia telah berjaya menembusi pasaran ke enam negara iaitu Singapura, Hong Kong, China, Australia, Amerika Syarikat dan Indonesia sebelum memasuki pasaran seterusnya iaitu Kanada dan Eropah," katanya kepada pemberita selepas perasmian Kursus Upskilling Pemasaran dan penanaman durian Musang King siri 2 di Institut Latihan Fama di sini, hari ini.

Beliau berkata pihaknya akan memberi fokus kepada pasaran ini kerana ia boleh membantu menyokong peningkatan keluaran durian negara, di samping terus mengadakan promosi untuk penjualan buah tersebut dalam pasaran tempatan.

Ahmad berkata jumlah keseluruhan nilai eksport durian pada 2015 ialah RM65 juta melibatkan 25 metrik (MT) dan ia meningkat sebanyak RM74 juta pada 2016.

Tambahnya, nilai eksport durian Malaysia ke China juga telah meningkat kepada RM18 juta pada 2016 berbanding RM1.6 juta pada 2012.

"Pada 2017, nilai pasaran eksport durian tempatan dijangka meningkat kepada RM23 juta dan jumlah itu diunjurkan mencapai RM92 juta pada 2020.

"Durian ini dieksport ke luar negara sama ada dalam bentuk segar, sejuk beku (ulas sahaja) dan pes (isi tanpa biji). Hingga kini, terdapat 19 pusat pemprosesan durian yang memiliki pensijilan AQSIQ China," katanya.

Mengenai kursus itu, beliau berkata ia adalah untuk mendedahkan peserta mengenai potensi pasaran bagi tanaman durian khususnya dari klon Musang King yang kini dilihat sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Selain itu, katanya kursus tersebut juga bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta dalam memulakan penanaman durian Musang King, khususnya menerusi kaedah baharu yang dapat mengeluarkan hasil dengan lebih cepat.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2018	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Ceburi agro pelancongan

Zulhisham Isahak  
06 Mac 2018 3:00 AM



ISMAL Mohamed (tengah), Mulizan Bujang (kanan) dan Azreen Basir (kiri) menunjukkan Direktori Agro Pelancongan Negeri Johor selepas merasmikan Program Transformasi Agro Pelancongan Taman Pertanian Johor di Kong Kong, Pasir Gudang, Johor, semalam.

PASIR GUDANG 5 Mac - Petani, penternak dan nelayan di negeri ini digalakkan terlibat dalam bidang agro pelancongan yang dapat meningkatkan pendapatan antara 20 hingga 30 peratus setahun.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Ismail Mohamed berkata, kerajaan negeri sedia membantu mereka dengan memberikan khidmat nasihat selain bantuan geran.

"Bantuan dalam bentuk geran berjumlah RM20,000 hingga RM100,000 yang disediakan antaranya adalah untuk pembinaan bangunan, infrastruktur, papan tanda dan promosi.

"Apabila mereka menceburi bidang agro pelancongan, mereka akan mendapat tiga manfaat sekali gus. Pertama mereka dapat hasil pertanian, kedua pelancong hadir ke tempat mereka dan ketiga dapat dijadikan pusat latihan untuk dikongsi pengalaman," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas merasmikan program Transformasi Agro Pelancongan Taman Pertanian Johor (TPJ) di Kong-Kong, dekat sini hari ini.

Yang turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tiram, Datuk Maulizan Bujang dan Timbalan Pengarah Pertanian (Pembangunan) Jabatan Pertanian Negeri Johor, Azreen Basir.

Ismail berkata, ketika ini terdapat kira-kira 100 usahawan tani terdiri daripada petani, penternak dan nelayan yang terlibat dalam agro pelancongan di seluruh negeri.

Bagi memudahkan mendapatkan maklumat tentang tempat-tempat itu, pihaknya menerbitkan Direktori Agro Pelancongan Negeri Johor pada hujung tahun lalu sebagai rujukan kepada pelancong.

Buku itu katanya, memuatkan pelbagai informasi tentang tempat-tempat agro pelancongan mengikut daerah dan senarai para usahawan industri asas tani yang sudah pun mendapat persijilan halal dan Sijil Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI).

"Buku ini memuatkan nilai-nilai agro pelancongan, masa lawatan, peta lokasi dan informasi hubungan supaya pengguna boleh membuat rujukan dengan lebih tepat dan mudah," katanya.

Beliau berharap buku tersebut dapat mempromosikan projek-projek agro pelancongan di Johor dan pengisiannya akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

## No TB outbreak among cows, says Vet Dept

**PETALING JAYA:** The Veterinary Services Department has refuted social media postings which claim that thousands of cows have been culled as a result of tuberculosis (TB).

The department said its staff members pictured in photos that went viral over the weekend were actually burying nine dairy cows which had been culled in accordance with the Malaysian veterinarian protocol for tuberculosis.

"The claim in the video that 2000

to 8,000 cows have been destroyed is not true.

"People do not have to worry about the safety of the milk and meat produced. They are safe to be consumed," the department said in a statement yesterday.

It said that as of this year, only 11 dairy cows which tested positive for TB had been culled, while 57 infected cows were culled last year and 68 in 2016.

"The photos were taken in Sg Nilam (in Selangor) on Jan 10 and

Feb 21, as part of the procedure for the surveillance and control of animal disease," it said.

On Sunday, photos of the department's staff members in Selangor culling and burying several cows accompanied by a voiceover went viral.

The audio, in Tamil and English, claimed that there was a major outbreak of TB among cows and 7,000 to 8,000 animals had been culled.

The voiceover claimed: "Since the TB virus cannot be treated, they had

to separate and kill all the cows. If you drink cow's milk in shops, please avoid it," it said.

It also claimed that the "virus" could not be killed even at 1,000°C.

In actual fact, bovine tuberculosis is caused by the bacterium *Mycobacterium bovis*.

It is related to *M. tuberculosis*, which causes TB in humans, and can jump species. Any *M. bovis* in the milk of infected cows is, however, killed by the pasteurisation process.

**People do not have to worry about the safety of the milk and meat produced. They are safe to be consumed.**

Veterinary Services Department

## Viral post on culling rings alarm bells

Consumers avoid dairy products after clip claims cows in Selangor infected with TB

By **WANI MUTHIAH, SIRA HABIBU** and **ZAZALI MUSA**  
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Photos of cattle being euthanised and buried by Selangor Veterinary Services Department officers, circulating on social media now, have people worried about a bovine disease outbreak.

A voice clip in Tamil mixed with some English accompanying the photos claims the cattle are dairy cows being put down because they contracted bovine tuberculosis (TB).

It advised consumers to keep away from fresh milk and dairy products.

"The virus cannot be killed even at 1,000°C.

"So please avoid because there is no cure for the disease," said the voice in the audio clip, adding that several thousand dairy cows have been infected in Selangor.

The department has refuted the social media posting (see accompanying story).

However, taxi driver C. Sathiaselvan, 65, who regularly enjoys cow milk in his tea, said he is now careful about consuming fresh dairy products.

"We have been conditioned to fear tuberculosis for years.

"So I no longer want to consume fresh milk, yogurt, Indian sweets and cakes which use milk," he said.

Mandy Chee, a mother of two, has decided to stop buying local fresh milk and dairy products.



**Not true:** The Veterinary Services Department has refuted a social media posting that claims several thousand dairy cows were infected with TB in Selangor.

"Why take the risk? Furthermore, cow's milk can be easily replaced with many types of non-dairy substitutes," said Chee.

Restaurant operator D. Siva said he is expecting demand for fresh milk to go down in the next few days.

"This happens when people panic and people usually panic easily over such news," he said.

Cattle farm owner K. Kanagaraj said it was important to ensure live-

stock receive the necessary vaccinations.

"The department provides this for free and all we need to do is contact them and they'll come and give the shots," said Kanagaraj, whose farm is in Telok Panglima Garang, Selangor.

He added that cattle farmers and breeders must ensure their premises and animals are kept clean at all times to prevent the outbreak of infectious diseases

such as bovine TB.

"Cows must be bathed and their sheds disinfected daily.

"It is very important to keep flies away and food and water must not be allowed to remain in the feeding tubs for long hours until they turn stale," said Kanagaraj.

In Kota Baru, an officer with the department said there were no bovine TB cases in the state.

"We took some samples. All were negative," he said.

However, the former chairman of the now-defunct Kelantan Ruminant Breeders Association Zulkifli Md Zin said the cases in Selangor should serve as a wake-up call.

He said communications between the Agriculture and Agro-based Industry Ministry and the association ceased more than two years ago.

"We were no longer invited to attend meetings and briefings by the ministry as well as the (veterinary) department officials.

"Subsequently, the association became inactive, and the Registrar of Societies deregistered it," said Zulkifli, who has more than 400 head of cattle in Gua Musang.

Zulkifli said the situation had negatively impacted the cattle breeding industry.

"In Gua Musang alone we have more than 1,000 cattle breeders. We know the department is quick to respond to distress calls from breeders.

"But, as most of the breeders are not well educated, they welcome valuable tips to help keep their cattle healthy," he said.

Zulkifli, who is in his 50s, hoped a new association could be established soon.

Meanwhile, Johor Agro-based and Agriculture Committee chairman Ismail Mohamed also said they had not received any reports about any bovine TB outbreak in the state.

However, he said the Johor Veterinary Services Department was monitoring dairy farms here following the cases in Selangor.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2018	HARIAN METRO	ONLINE	

## Mana ada 7,000 lembu disingkir

Hidayatul Akmal Ahmad  
cnews@nstp.com.my



GAMBAR hiasan. FOTO arkib NSTP

HANYA 11 lembu di Selangor, dikesan dijangkiti penyakit Tibi dan semua ternakan terbahit sudah dilupuskan mengikut prosedur Protokol Veterinar Malaysia: Tuberkulosis.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) berkata, viral rakaman audio yang mendakwa kononnya 7,000 hingga 8,000 lembu sudah diasing dan disingkir adalah tidak benar sama sekali.

"Berdasarkan rekod JPV Selangor, bilangan lembu tenusu positif tibi yang disingkirkan bermula tahun 2015 ialah 18 ekor, 2016 (68); 2017 (57) dan setakat ini pada 2018, 11 ekor.

"Berdasarkan protokol, ternakan yang dijangkiti penyakit tibi tidak akan dirawat tetapi perlu disingkirkan mengikut piawaian yang disarankan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Dunia (OIE)," katanya JPV Malaysia menerusi kenyataan, hari ini.

Sejak pagi ini, rakaman audio bersama beberapa keping gambar tindakan kakitangan JPV Selangor memusnahkan lembu yang dijangkiti tibi, viral menerusi media sosial.

JPV menegaskan prosedur pelupusan ternakan berpenyakit itu, mematuhi prosedur dalam Program Survelan dan Kawalan Penyakit Haiwan.

Katanya, gambar yang viral itu dirakamkan di Sungai Nilam pada 10 Januari dan 21 Februari lalu.

"Penyingkiran ternakan positif tibi adalah langkah kawalan bagi mengelakkan penularan penyakit itu dan pampasan akan dibayar mengikut kadar ditetapkan," katanya.

JPV menasihatkan orang ramai supaya tidak bimbang mengenai susu dan daging yang diambil kerana ia selamat untuk diminum dan dimakan.

Katanya, berdasarkan banciaan JPV pada 2016, bilangan lembu tenusu di Selangor adalah 5,775 ekor.

Artikel ini disiarkan pada : Isnin, 5 Mac 2018 @ 8:34 PM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2018	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Rakaman tular lebih 7,000 ekor lembu dijangkiti TB tidak benar

05 Mac 2018 8:40 PM

PUTRAJAYA 5 Mac - Kenyataan bahawa 7,000 hingga 8,000 ekor lembu di Selangor telah disingkirkan kerana dijangkiti penyakit tuberkulosis (TB) adalah tidak benar, kata Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).



Jabatan itu berkata hanya 11 ekor lembu tenusu yang positif TB telah disingkirkan melalui kaedah eutanasia oleh DVS Selangor pada tahun ini manakala sebanyak 68 ekor disingkirkan pada 2016 dan 57 ekor pada 2017.

"Berdasarkan data bancian DVS Selangor 2016, bilangan lembu tenusu di negeri ini adalah sebanyak 5,775 ekor.

"Oleh yang demikian umum tidak perlu risau tentang susu dan daging yang dihasilkan. Ia selamat untuk diminum dan dimakan," katanya dalam kenyataan, di sini hari ini.

Jabatan itu berkata mengikut piawaian yang disarankan Pertubuhan Kesihatan Haiwan Dunia (OIE), ternakan yang dijangkiti penyakit TB tidak akan dirawat tetapi perlu disingkirkan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

kadar yang telah ditetapkan.

DVS berkata penyingkiran ternakan positif TB adalah sebagai langkah kawalan untuk mengelakkan penularan penyakit tersebut dan pampasan akan dibayar mengikut

Baru-baru ini beberapa keping gambar dan sebuah rakaman audio mengenai penyingkiran sembilan ekor lembu tenusu yang dijangkiti TB oleh DVS Selangor telah tular di media sosial.

Rakaman audio dalam bahasa Tamil dan bahasa Inggeris itu menyatakan sebanyak 7,000 hingga 8,000 ekor lembu di Selangor telah dibunuh kerana dijangkiti penyakit TB, selain menasihatkan orang ramai agar tidak meminum susu lembu.

Menurut DVS, gambar tersebut menunjukkan beberapa kakitangan DVS Selangor sedang menanam lembu tenusu yang telah disingkirkan mengikut prosedur yang telah digariskan dalam Protokol Veterinar Malaysia: Tuberkulosis. Katanya gambar yang dirakam di Sungai Nilam pada 10 Jan dan 21 Feb lepas itu adalah prosedur dalam Program Survelan dan Kawalan Penyakit Haiwan. - BERNAMA